

30 MAY 2001

Adnan-Keputusan

SIASATAN POLITIK WANG BIAR LAMBAT ASALKAN KEPUTUSANNYA ADIL

KUANTAN, 30 Mei (Bernama) -- Lembaga Disiplin Umno mengambil masa yang lama untuk menyiasat dakwaan politik wang dalam pemilihan Umno Bahagian Kuantan bagi memastikan keputusannya nanti adil dan tidak berlaku sebarang pengingayaan, kata Pengerusi Perhubungan Umno Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob.

"Lama itu menunjukkan penelitian sehalus-halusnya, cepat bukannya menunjukkan cekap, ada masa lambat itu menunjukkan kita berhemat, cermat dan teliti," katanya kepada pemberita ketika ditanya mengenai keputusan kes politik wang Umno Bahagian Kuantan yang sehingga kini masih belum diumumkan.

Majlis Tertinggi Umno pada mesyuaratnya 31 Mac lepas, menubuhkan sebuah jawatankuasa khas bagi menyiasat dakwaan Ketua Umno Bahagian Kuantan, Datuk Fauzi Abdul Rahman bahawa berlaku politik wang sewaktu pemilihan di bahagian itu.

Pada 21 Mei lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata MT masih belum dapat membincangkan aduan politik wang Datuk Fauzi itu kerana laporan akhir Lembaga Disiplin Umno belum dikemukakan.

Terdahulu Lembaga Disiplin yang diketuai Tengku Ahmad Rithauddeen pada 5 Mei lalu telah mengumumkan beberapa keputusan siasatan terhadap aduan politik wang termasuk membatalkan kemenangan tiga Ketua Bahagian yang didapati bersalah terlibat dengan politik wang ketika pemilihan bahagian.

Sehingga 5 Mei lalu, sejumlah 368 aduan diterima oleh Lembaga Disiplin Umno berhubung salah laku politik wang dan daripada jumlah itu, 32 kes dalam penilaian, telah dibicarakan (66), dirujuk kepada jawatankuasa pemilihan (44), tidak begitu tepat (42), ditolak (8), dan 176 kes masih dalam peringkat disaring.

Adnan berkata, kelewatan pengumuman keputusan itu juga mungkin disebabkan jumlah aduan yang terlalu banyak yang perlu di siasat oleh lembaga itu.

Menurut Adnan lagi, kes di Kuantan ini tidaklah terlalu besar dan mungkin terdapat kes-kes lain yang lebih penting dan lebih besar yang perlu diselesaikan terlebih dahulu oleh lembaga itu.

Sementara itu, Adnan meminta mana-mana pihak yang disiasat oleh Lembaga Disiplin berhubung dengan kes itu untuk tidak membuat sebarang komen mengenainya.

"Orang yang disiasat tak payahlah komen buat masa ini, serahkanlah siasatan kepada Lembaga Disiplin bagi membolehkan mereka menjalankan siasatan mereka," katanya.

-- BERNAMA

HIS PR